

04/04/1997

Penukaran nama ubah imej UPM

PENUKARAN nama Universiti Pertanian Malaysia (UPM) kepada Universiti Putra Malaysia (UPM) Serdang yang diumumkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam adalah satu pengiktirafan yang amat besar kepada universiti itu setelah menyaksikan pelbagai perubahan pesat yang dilakukan oleh pengurusan universiti itu sama ada dari segi pembangunan fizikal atau pengajian serta kursus yang disediakan. Jika hendak diterjemah dari segi signifikasi pengumuman itu, kita tidak ragu-ragu menyatakan bahawa ia adalah satu peningkatan taraf bagi universiti yang memang sudah dikenali di peringkat antarabangsa. Daripada sebuah institusi pengajian tinggi yang khusus di bidang pertanian, UPM meluaskan skop kursus dan pengajian mencakupi bidang sains dan teknologi dan turut meneroka bidang teknologi maklumat dan multimedia. Daripada menyediakan tenaga pakar di bidang pertanian, universiti itu menjadi sumber tenaga kerja profesional yang selama ini banyak membantu membangunkan negara.

Pada kita penukaran nama itu juga menukar imej universiti itu daripada sebuah universiti yang berteraskan kepada sektor pertanian kepada sebuah institusi yang berkembang mengikut kemajuan negara yang bergerak ke arah perindustrian. Namun, kita percaya pengajian di pelbagai bidang pertanian tetap diberi tempat utama dalam pengajian di universiti itu kerana kita boleh berganjak daripada hakikat bahawa pertanian adalah sektor yang penting di negara ini. Kita masih memerlukan banyak lagi kajian dan penyelidikan berhubung sektor pertanian dan industri berasaskan pertanian. Kita tidak seharusnya lupa diri bahawa tanpa proses penerusan dalam sektor pertanian kita boleh dilanda masalah yang besar. Ketika kita menggalakkan kemajuan di bidang lain, kita juga tidak rela pengajian di bidang pertanian ini diabaikan. Kita yakin kombinasi teknologi-pertanian, akan membolehkan universiti itu mengeluarkan graduan yang jiwanya dekat dengan keperluan negara kerana dapat menghayati antara kepentingan tradisi dan tuntutan pembangunan negara. Cuma, perbezaan hanya berlaku dari segi pendekatannya. Bagi mereka yang mengikuti pengajian di bidang pertanian, teknologi adalah industri sokongan yang diperlukan dalam sektor itu untuk mempercepatkan proses penemuan baru yang boleh meningkatkan hasil pertanian dan seterusnya meletakkan sektor itu pada tempat yang sewajarnya.

Kita percaya nama itu diubah sekarang untuk membolehkan universiti itu menghadapi cabaran alaf baru atau sekurang-kurangnya dalam tempoh 10 tahun akan datang, kerajaan sudah meramalkan satu perubahan yang mendadak dalam pelbagai bidang penyelidikan dan pembangunan yang baru. UPM dikenal pasti sebagai satu daripada institusi yang akan memainkan peranan yang amat penting. Jika skopnya masih tertumpu kepada bidang yang sempit, UPM mungkin tidak dapat bersaing dengan universiti lain. Paling penting, kita tidak mahu semangat bakal pelajar menjadi luntur apabila mereka dipilih mengikuti pengajian di universiti yang berasaskan pertanian semata-mata. Dengan nama baru ini, pelajar mendapat nafas baru dan tidak boleh lagi berasa rendah diri.

Kita perlu akui hari ini bahawa graduan UPM sebelum ini bukan saja diperlukan di agensi kerajaan dan sektor swasta yang bergiat dalam bidang pertanian dan perladangan, malah tenaga mereka turut digunakan dalam bidang lain. Mereka bukan saja menjadi jurutera, malah ramai yang menjawat jawatan penting dalam sektor perbankan dan sebagainya.

Disebabkan Serdang terletak paling hampir dengan Putrajaya, pusat

pentadbiran baru bagi negara ini, sewajarnya universiti itu menjulang nama berkenaan dan bergerak selari dengan urusan pentadbiran negara kelak. Malah, disebabkan kedudukannya yang paling hampir dengan Koridor Raya Multimedia (MSC), UPM akan memiliki keistimewaan lebih baik daripada universiti lain.

Kita percaya pengiktirafan baru kepada UPM ini menunjukkan satu lagi agenda kerajaan untuk menuju ke taraf negara perindustrian bergerak setapak lagi. Namun, cita-cita ini tidak akan membuahkan hasil jika pengiktirafan ini tidak diiringi dengan semangat pelajar. Kita mahu UPM menjadi antara universiti pilihan utama pelajar, bukanlah lagi menjadi institusi pilihan setelah gagal memasuki universiti lain yang lebih berprestij. Pada kita kerajaan telah pun meletakkan satu prestij baru kepada UPM, bukan saja disebabkan kedudukannya, malah kepentingannya kepada pembangunan negara. Bagi kakitangan akademik dan bukan akademik, kita mengucapkan syabas kerana merekalah selama ini yang melonjakkan kejayaan UPM hingga ke peringkat antarabangsa.

(END)